

Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) mempelawa warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

1. **Jawatan** : **Eksekutif**
 Taraf Jawatan : **Kontrak (Sepenuh Masa)**
 Gaji : **RM1,960.00 - RM5,459.00**

Spesifikasi Kerja:

- Khidmat bimbingan dan kaunseling.
- Pentadbiran kemudahan pelajar.

Keperluan:

Pemohon hendaklah mempunyai —

- ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Psikologi/ Psikologi Klinikal/ Kaunseling daripada institusi-institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

atau

ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Tingkah Laku berserta Diploma Psikologi Kaunseling daripada institusi-institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

dan

- lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan kepujian (termasuk lulus ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

dan

- mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam bidang/ industri berkaitan.



2. **Jawatan** : **Pengaturcara (*Programmer*)**
 Taraf Jawatan : **Kontrak (Sepenuh Masa)**
 Gaji : **RM1,960.00 - RM5,459.00**

Spesifikasi Kerja:

- Melaksanakan kerja-kerja analisis, reka bentuk, pembangunan, pengujian dan penyelenggaraan sistem teknologi maklumat atau aplikasi web sedia ada.
- Menyelaras operasi program, pangkalan data SQL dan lain-lain perkara bersangkutan dengan teknologi maklumat.
- Membantu dalam operasi sistem teknologi maklumat.

Keperluan:

Pemohon hendaklah mempunyai —

- ijazah Sarjana Muda atau ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat daripada institusi-institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- pengetahuan yang baik dalam bahasa pengaturcaraan dan *Operating System*;
- sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman dalam pembangunan aplikasi web atau pembangunan sistem;
- pemahaman yang kukuh dalam SQL atau mana-mana perisian pangkalan data;
- pengalaman dalam mengendalikan PHP, JavaScript dan CSS;
- pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan *Content Management System*; dan
- kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Pengalaman dalam mengendalikan C, C++, HTML, ASP dan VB Script adalah satu kelebihan.



3. **Jawatan** : **Pendokumen Teknikal (*Technical Documenter*)**
 Taraf Jawatan : **Kontrak (Sepenuh Masa)**
 Gaji : **RM1,462.00 - RM4,074.00**

Spesifikasi Kerja:

- Menyediakan dokumen seperti memo, minit mesyuarat berkaitan Seksyen Teknologi Maklumat, *User Test Case Scenario*, Manual Pengguna Sistem, Dokumen Teknikal, Dokumen Rujukan Seksyen Teknologi Maklumat, Dokumen Rujukan Pengguna dan Dokumen *Sign Off*.
- Mengemas kini dokumen *System Requirement Specification* (SRS) berdasarkan format yang betul.
- Menyediakan sistem carta alir untuk sistem sedia ada, cadangan sistem baharu dan proses kerja.
- Pemfailan dokumen (*hardcopy* dan *softcopy*).

Keperluan:

Pemohon hendaklah mempunyai —

- kelayakan akademik sekurang-kurangnya pada peringkat sijil dalam bidang Komputer atau Teknologi Maklumat atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- pengetahuan yang baik dalam proses dan sistem pengurusan maklumat teknikal;
- pengetahuan dan kompetensi dalam pangkalan data hubungan;
- kecekapan yang tinggi dalam Microsoft Office Word, Excel, Power Point, Access dan Acrobat; dan
- keupayaan mempelajari proses sistem teknikal yang baharu dengan segera serta mampu menukarkan pemahaman tersebut kepada penulisan yang teratur.

Keperluan Tambahan:

- Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang baik.
- Mampu bekerja secara berdikari dan bekerja dalam kumpulan.
- Fasih berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris secara lisan dan bertulis.



Prosedur Permohonan:

Semua permohonan hendaklah dikemukakan bersama dengan menyertakan resume lengkap yang mengandungi kelayakan akademik tertinggi (ijazah/diploma/sijil berserta gred/CGPA), gred mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat SPM, pengalaman kerja, gaji terakhir yang diterima, gaji yang dijangka bersama-sama dengan sekeping gambar rasmi terkini berukuran pasport **selewat-lewatnya pada 19 Jun 2015 (Jumaat)** ke alamat berikut:

Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)
Aras 7, Wisma R&D Universiti Malaya
Jalan Pantai Baru
59990 Kuala Lumpur

Talian Utama: 03 2246 3600

e-Mel: hucad@umcced.edu.my

(Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pemohon yang telah menunjukkan minat terhadap organisasi kami. Walau bagaimanapun, hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga. Kepada pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan, sila anggap bahawa permohonan anda tidak berjaya.)

